

MISBUN (tengah) bergambar kenangan bersama peserta Kem Bakat Badminton 2012 di Dewan Utama Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan.



Kem Bakat Badminton Bersama Misbun Sidek

■ Kem bakat itu turut dikendalikan Jalani Sidek, Rahman Sidek, Ridzuan Rahmat, Zulfari Abdullah, Shamsul Anwar Adnan dan Lia Murni Misbun

UB 13-11-2012 A15

LABUAN : Seramai 60 peserta yang berumur antara 9 hingga 12 tahun telah menyertai Kem Bakat Badminton Bersama Datuk Misbun Sidek di Dewan Utama Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) pada 9 hingga 11 November lalu.

Kem Bakat Badminton selama tiga hari itu dianjurkan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Labuan, Kelab Badminton Nusa Mahsuri, UMS-KAL, Institut Sukan Negara (ISN) dan Persatuan Badminton Labuan.

Selain Misbun, kem bakat itu turut dikendalikan bekas pakar beregu negara, Jalani Sidek, bekas pemain negara, Rahman Sidek, Ridzuan Rahmat, Zulfari Abdullah, Shamsul Anwar Adnan dan Lia Murni Misbun.

Majlis penutupan dan penyampaian sijil penyertaan disempurnakan oleh Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah yang mewakili Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali.

Turut hadir, Penolong Pengarah Belia JBS, Mazlan Anis; Pegawai Belia dan Sukan UMS-KAL, Gabriel Moinjil; Naib Presiden Persatuan

Badminton Labuan, Ahmad Zainuddin Awang Besar dan Penyelaras Kem Bakat Badminton 2012, Jais Osman.

Misbun yang juga bekas pemain dan bekas jurulatih badminton negara meminta ibu bapapayaterusmemberi galakan kepada anak-anak mereka sehingga menjadi pemain yang akan mewakili negara satu ketika nanti.

Katanya, sokongan ibu bapa adalah antara faktor yang mampu menghasilkan pemain badminton yang terbaik bagi memastikan Malaysia tidak ketandusan pemain berkebolehan.

"Ibu bapa tidak mempunyai pilihan selain memberi semangat kepada anak-anak yang berbakat dalam sukan badminton untuk mewakili negeri dan negara pada masa akan datang," katanya.

Misbun yang juga Pengarah Urusan Nusa Mahsuri berkata, ramai pemain berbakat di seluruh negara termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan tidak dapat diketengahkan kerana kurang mendapat bimbingan dan galakan.


Beliau berkata, Kelab Nusa Mahsuri telah mengendalikan 17 Kem Bakat Badminton di seluruh negara semata-mata untuk membantu mencungkil bakat-bakat muda untuk menghasilkan lebih ramai

“Kelab Nusa Mahsuri telah mengendalikan 17 Kem Bakat Badminton di seluruh negara semata-mata untuk membantu mencungkil bakat-bakat muda untuk menghasilkan lebih ramai pemain pelapis negara.”

MISBUN HJ SIDEK Lagenda Badminton Negara



PEMINAT kecil tidak mahu melepaskan peluang bergambar dengan Misbun.



MISBUN menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta Kem Bakat Badminton 2012 diperhatikan Zamri (empat kiri) dan Jalani (tiga kiri) di Dewan Utama Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan.

pemain pelapis negara. Misbun yang telah melahirkan ramai pemain badminton terbaik dunia termasuk Rashid Sidek, Hafiz dan Roslin Hashim selain Chong Wei berharap pihak sekolah mengenalpasti pemain berbakat dengan menyertai lebih banyak pertandingan di peringkat daerah dan negeri.

"Pemain badminton juga mampu menjana pendapatan lumayan kerana kerajaan turut menggalakkannya dengan menyediakan pelbagai imbuhan selain pendapatan daripada pihak penaja," katanya.

Sementara itu, Zamri mengucapkan terima kasih


kepada Jabatan Belia dan Sukan Labuan kerana kesediaan mereka memilih UMS-KAL sebagai lokasi utama Kem Bakat Badminton 2012.

Katanya, UMS-KAL bersedia untuk menjadi tuan rumah kepada sebarang penganjuran acara sukan terutama yang membabitkan ikon sukan tanahair yang dapat menaikkan semangat peserta dan ibu bapa.

"Kami bersedia untuk menjadi tuan rumah dan penganjur bersama bukan sahaja dalam acara badminton tetapi aktiviti yang lain terutama yang mengketengahkan ikon terkenal tanahair," katanya.



MISBUN menandatangani baju peserta Kem Bakat Badminton 2012 diperhatikan Zamri (kiri) dan Gabriel (belakang).



MISBUN menyerahkan buku motivasi kepada peserta Kem Bakat Badminton 2012 di Bilik Kuliah UMS-KAL.



ZAMRI (enam kiri) menyampaikan cenderamata kepada Misbun diperhatikan Jalani (empat kanan).



SUKARELAWAN yang terdiri daripada pelajar UMS-KAL gembira menjayakan Kem Bakat Badminton 2012.